
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

HIA 101 - PENGANTAR PENGAJIAN ISLAM

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. DUA daripada bahagian A dan DUA daripada bahagian B.

Bahagian A

1. Istilah “al-Din” merujuk kepada agama Islam yang diwahyukan oleh Allah sebagai panduan bagi manusia dalam semua bidang kehidupan. Berdasarkan kenyataan ini, huraikan:
 - [a] Hubungan antara agama Islam dengan kebudayaan menurut perspektif Islam dan Barat.
[30 markah]
 - [b] Latar belakang penerimaan fahaman sekularisme di Barat serta kesan pemakaiannya ke atas masyarakat Eropah dan masyarakat Islam.
[40 markah]
 - [c] Kesan perkembangan ilmu pengetahuan terhadap kedudukan agama Islam.
[30 markah]

2. Semua makhluk di alam ini hidup mengikut ketentuan dan ketetapan hukum Allah sama ada dari segi hukum *kawniyyah* (*law of nature*) maupun hukum *syar’iyyah*. Berdasarkan kenyataan ini, huraikan:
 - [a] Perbezaan antara ketentuan Allah dari segi *kawniyyah* dan *syar’iyyah*.
[30 markah]
 - [b] *Tawhid ‘ubudiyyah* sebagai batas perbezaan antara mukmin dengan mushrik.
[30 markah]
 - [c] Perbezaan antara Islam sebagai agama fitrah dengan agama lain yang bercanggah dengan fitrah.
[40 markah]

3. Al-Quran dan al-Sunnah merupakan dua sumber utama ajaran Islam. Kedua-duanya mestilah dibaca, difahami dan dihayati dalam kehidupan manusia. Berdasarkan kenyataan ini, huraikan:
 - [a] TIGA bentuk mukjizat al-Qur’an.
[30 markah]
 - [b] DUA kaedah al-Qur’an dalam menjelaskan hukum hakam serta SATU contoh bagi setiap satunya.
[40 markah]

- [c] TIGA hujah bagi menolak pegangan golongan anti hadith yang hanya ingin berpandukan kepada al-Qur'an semata-mata.
[30 markah]

Bahagian B

4. Akidah merupakan akar tunjang yang meneguhkan sistem kehidupan muslim. Huraikan:
- [a] Maksud "akidah sebagai akar tunjang".
[20 markah]
- [b] LIMA perkara ghaib dalam akidah Islam menurut al-Qur'an dan al-Sunnah.
[50 markah]
- [c] TIGA perkara yang membatalkan akidah.
[30 markah]
5. Undang-undang Munakahat dan Jenayah Islam merupakan sebahagian daripada syariah Allah yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Huraikan:
- [a] TIGA matlamat Undang-Undang Munakahat Islam disyariatkan.
[30 markah]
- [b] Rukun nikah dalam perkahwinan Islam.
[50 markah]
- [c] DUA bentuk kesalahan di bawah Jenayah Hudud.
[20 markah]
6. Allah S.W.T. telah menjadikan Rasulullah s.a.w. sebagai contoh teladan yang unggul dalam berakhlak. Akhlak Rasulullah s.a.w. yang dibimbing oleh wahyu adalah akhlak yang terbaik dan diakui kawan dan lawan. Berasaskan kenyataan ini, huraikan:
- [a] Bagaimanakah anda berakhlak dengan kawan dan lawan menurut cara Rasulullah s.a.w.?
[40 markah]
- [b] Bagaimanakah anda berakhlak dengan Allah dan Rasul-Nya?
[60 markah]